

BAB DUA

PENGENALAN KEPADA KITAB *ĪDĀḤ AL-ALBĀB*

2.1 Pengenalan Kitab

2.1.1 Makna Tajuk

Tajuk kitab ini (إيضاح الباب لمريد النكاح بالصواب). Ia terdiri dari tujuh perkataan iaitu:

- 1) Perkataan إيضاح merupakan *maṣḍar* daripada kata dasarnya (أوضح) Yang bermaksud “menerang ia atau mentafsir ia”.¹¹⁶ Secara tasrifnya (أوضح ، يوضح ، إيضاح). Perkataan *Īdāḥ* merupakan kata terbitan yang bermaksud penjelasan atau keterangan.¹¹⁷
- 2) الباب : *jamaknya abwāb* , bermaksud pintu. Manakala *al-Albāb* : *jamak* daripada perkataan *lub* yang bermaksud hati. Kebanyakan manuskrip yang ada di perpustakaan negara ditulis dengan perkataan al-Albab.¹¹⁸
- 3) لمريد : *li* : *huruf al-Jar*, bererti “untuk” dan murid ialah *isim al-fā’il* daripada perkataan kata kerja “*arāda*” yang bererti “orang yang berkehendak”.
- 4) النكاح : bermaksud berkahwin, beristeri, bersuami, berbini atau berlaki.¹¹⁹
- 5) بالصواب : *bi* merupakan *harf al-jar* bererti dengan dan *ṣawāb* bermaksud betul, kena, tak salah atau ‘akal.¹²⁰

Kombinasi ketujuh-tujuh kalimah ini bolehlah diertikan sebagai: Penjelasan pintu¹²¹ tajuk untuk orang yang berkehendak nikah dengan betul. Wan Mohd Shaghir

¹¹⁶ Rūhī Ba’albakkī (1996), *Al-Mawrid - A Modern Arabic – English Dictionary*, c. 8, Beirut, Lebanon: Dār al-Ilmi li al-Malāyīn., h. 314. Lihat Muhamad Idrīs al-Marbawī (1990), *Qamus Idrīs al-Marbawī*, Kuala Lumpur: Darul Fikir, h. 39

¹¹⁷ Lihat Ibrahim Anīs (t.t), *Al-Mu’jam al-Waṣīṭ*, ; j.1-2, c.2 ,t.t.p , t.p ,(t.t) h.98. Muhamad Idrīs al-Marbawī (1990), *op.cit.*, h.67

¹¹⁸ *Ibid* , h . 37

¹¹⁹ *Ibid*, h. 344.

¹²⁰ *Ibid*, h. 344.

menyatakan yang betul pada judul kitab ini ialah tertulis pada manuskrip iaitu *al-albāb*, bukannya *al-bāb*. Ejaan judul pada cetakan adalah kecaciran dan tersalah cetak.¹²² *Al-albāb* bermaksud hati, jamak daripada perkataan *lub*. Ini jelas terdapat pada mukadimah Syeikh Daud dalam kitabnya:

Dan aku namai akan dia “Īdāh al-Bāb li Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb” yakni pada menyatakan bagi yang [orang] berakal yang berkehendak berkahwin dengan sebenarnya .

Oleh itu, *al-Albāb* diterjemah dengan orang yang berakal, maka perkataan al-bab dalam cetakan yang ada pada hari ini adalah salah. Perkataan yang sepatutnya ialah *al-Albāb*. Tajuk kitab yang sebenarnya ialah “*Īdāh al-Bāb li Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb*”

إيضاح الألباب لِمُرِيدِ النِّكَاحِ بِالصَّوَابِ

2.1.2 Latarbelakang kitab

Īdāh al-Bāb Li Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb (1224H/1809M) dikarang oleh al-‘ālim al-‘Allāmah al-Imām Bahjah al-Dīn al-Islām al-Syeikh Daud Bin ‘Abdullah al-Faṭānī. Catatan tentang tarikh mula karya ini ditulis tidak ditemui sama ada dari pengarangnya mahu pun dari penyalin dan pengkaji sejarah. Hanya terdapat catatan tentang tarikh selesai ditulis iaitu pada pada malam Isnin 09 Rabiul Awwal 1224H di Mekah al-Mukarramah. sebagaimana yang tercatat di akhir kitab :¹²³

“Dan telah selesailah faqīr Ila Allāh Ta’āla Khādīm al-Fuqarā’ Dawud bin ‘Abdullah al-Fatani menterjemahkan risālah ini pada negeri Makkah al-Musharrafah pada malam Ithnin Sembilan Rabi’ al-Awwal pada hijrah Nabi S.A.W. seribu dua ratus dua puluh empat tahun

Kitab ini boleh didapati dalam bentuk cetakan dan manuskrip. Wan Mohd Shaghīr memiliki dua manuskrip karya ini. Manakala Pusat Islam pula memiliki

¹²¹ Yang bermaksud satu bab permulaan.

¹²² Wan Mohd Shaghīr Abdullah (1990), *Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭānī: Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, Shah Alam: Penerbitan Hizbi, h. 13.

¹²³ *Ibid*, h. 58

manuskrip cat. M.I. Nos. 88, 117, 131, 169, 194, 247, 328, 410, 586, 597, 598 dan 731. V. Matheson dan M.B. Hooker hanya menyebut satu manuskrip sahaja, iaitu M.4.7 (mungkin M.I. 169) yang mempunyai 85 halaman yang disalin tahun 1302H/1884M.¹²⁴ Di Muzium Nasional, Jakarta ada senaskah setebal 102 halaman, cat. ML 773 [v 38]. Beberapa naskah manuskrip ini juga boleh didapati di Cambridge dan Royal Asiatic Society, London, England.¹²⁵ Kitab ini banyak digunakan sebagai pengajian asas terutamanya dalam topik ibadat (*fiqh munakahat*) di Asia Tenggara.¹²⁶ Karya yang dipanggil ‘kitab’ yang setebal 60 halaman ini dicetak oleh Penerbitan al-Ma’arif Pinang tanpa tarikh adalah berdasarkan kepada edisi terbitan Darya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, Cairo. Karya ini boleh didapati di Penang, Singapura, Alor Setar dan Patani dan mungkin karya ini juga menurut Snourk Hurgonje sebagai ‘*a handbook of the marriage – anonymously published in constantinople*’.¹²⁷ Teks terawal yang diterbitkan di Mesir tahun 1334H/1925M didapati tersimpan di Pulau Kundur, Riau, Indonesia iaitu tersenarai di bawah ‘Naskhah’ kuno Daerah Riau yang diselenggarakan oleh Hamidy Hassan Junus dan Raja Hamzah.¹²⁸ Penulis sendiri memiliki tiga buah naskhah *Īdāh al-Albāb* yang berlainan tahun cetakannya. Dua kitab tersebut di cetak oleh Matba’ah Muṣṭafa al-Bābi al-Halabi Mesir dan satu kitab dicetak oleh Percetakan al-Mu’arif Sdn. Bhd Pulau Pinang.

¹²⁴ Lihat Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat Anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dengan Kerjasama Akademi Islam Universiti Malaya pada 17hb-19hb Dis 1991M.

¹²⁵ M.C. Ricklefs & P.Voorhoeve, Indonesia. Manuscripts In Great Britain (London, 1977), h. 147.

¹²⁶ Wan Mohd Shaghīr (1990) “*Syeikh Daud al-Faṭānī: Ulama dan Pengarang Terunggul Asia Tenggara*”, *op.cit.*, h.32

¹²⁷ Snourck Hurgonje, Mekka, h. 287.

¹²⁸ Hamidy Hassan Junus dan Raja Hamzah, Naskhah Kuno Daerah Riau, Department Pendidikan dan Kebudayaan, Riau, 1928/3, h. 120.

2.1.3 Manuskrip

MSS 2541

[*Īdāh al-Albāb Li Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb*]

Selesai ditaklik dan diterjemah oleh Daud bin Abdullah pada malam Isnin, 9 Rabiulawal 1224H. [24 April 1809M] di Mekah. Selesai disalin oleh Muhammad Min bin Encik Ḥāmid Fatani pada pagi hari Selasa bulan Jamadilawal di Mekah. [44] ff. ; 25.3 x 17.5 cm ; 25 baris. Kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan dan berlubang-lubang kecil di kebanyakan halaman, namun masih berkeadaan baik. Tera air= (i) Bulan Sabit berprofil manusia di dalam perisai (ii) BG (iii) EIV. Dakwat berwarna hitam, Rubrikasi pada perkataan bahasa Melayu yang tertentu, ayat bahasa Arab, doa, sabda/ḥadīth Nabi dan firman Allah. Tulisan kemas dan konsisten, tidak berjahit, kurus berceraian.

Kolofon:

.... تله سلسيله درفدا ميالين نسخه اين اوله محمد مين بن أنجت / حمد فطاني فد نكري
بغمليا مكة المشرفت / فد بولن جمدا اول فدا فاكلي ٢ هاري ثلاثا / تمت / امين

Kandungan: Membicarakan hukum nikah kahwin dan talak satu perkara-perkara yang berkaitan dengannya di dalam beberapa bab. Tidak lengkap.¹²⁹

2.2 Perbandingan Teks Idah al-Bab

Setelah dibuat penelitian terhadap manuskrip-manuskrip yang terdapat di Pusat Perpustakaan Negara Malaysia dan beberapa percetakan yang telah menerbitkan buku ini semula seperti percetakan Ibn Halabī dan percetakan al-Mu'ārif Sdn. Bhd. Pulau Pinang maka terdapat beberapa ciri perbezaan antaranya ialah:

¹²⁹ Katalog manuskrip Melayu koleksi Perpustakaan Negara Malaysia Tambahan Pertama(2001), Kuala Lumpur: Pusat Manuskrip Melayu, h. 97-98.

2.2.1 Perbezaan dari segi tajuk

Dalam kajian yang dijalankan ini, penulis tidak membuat perbandingan secara keseluruhan teks manuskrip yang terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia, tetapi penulis hanya membuat perbandingan di antara manuskrip yang bernombor MSS 2541 dengan teks *Īdāh al-Bāb* yang dicetak oleh percetakan Ibn Halabi dan percetakan al-Mu'arif Sdn. Bhd, yang mana manuskrip tersebut penulis telah nyatakan di atas.

Tajuk dalam teks manuskrip yang bernombor MSS 2541 berdasarkan katalog ialah *Īdāh al-Albāb* manakala tajuk kitab tersebut berdasarkan kepada percetakan-percetakan yang baru¹³⁰ bertajuk *Īdāh al-bāb* kedua-dua kitab ini dimiliki oleh penulis sendiri. Perbezaan ini hanya dari segi muka surat depan sahaja iaitu dari segi nama tajuk yang ditulis di hadapan kitab. Adapun dari segi isi kandungannya adalah sama iaitu tidak ada perbezaan antara manuskrip itu.

2.2.2 Perbezaan dari segi dakwat

Dari segi dakwat, ia amat berbeza oleh kerana penerbitan buku dalam versi yang baru dicetak dengan dakwat berwarna hitam bagi keseluruhan kitab, manakala manuskrip yang bernombor MSS 2541 menggunakan dakwat berwarna hitam dan dakwat berwarna merah. Dakwat berwarna hitam untuk menulis mengenai isi kandungan kitab sahaja sementara dakwat berwarna merah digunakan untuk menulis mengenai topik-topik yang tertentu dan perkataan-perkataan yang penting seperti *bāb*, *kitāb*, *fasal*, ayat al-Qur'ān, doa dan lain-lain seumpamanya.

¹³⁰ Percetakan al-Mā'arif Sdn. Bhd. dan percetakan Ibn Ḥalabī.

2.2.3 Perbezaan dari segi baris dan nombor halaman

Pada percetakan yang baru, ditulis 34-46 baris pada tiap-tiap halaman, nombor halaman yang ditulis itu adalah di bahagian atas, ditulis dengan angka Arab. Manakala manuskrip yang bernombor MSS 2541 tidak ada nombor halamannya sekiranya hilang salah satu daripadanya atau kucar-kacir dari segi susunannya agak susah dirujuk, ia ditulis 19 baris pada tiap-tiap halaman, kelihatannya lebih tebal daripada percetakan yang baru kerana jumlah halamannya mengandungi 147 halaman, adapun halaman pada percetakan yang baru hanya 60 halaman sahaja.

2.2.4 Perbezaan dari segi tanda kurung

Penelitian dibuat terhadap percetakan yang baru dengan teks manuskrip yang ditulis dengan tulisan tangan ternyata ada perbezaan juga dari segi tambah tanda kurungan itu. Pada percetakan yang baru ia ditambahkan tanda kurung pada perkataan-perkataan yang penting seperti bab, kitab, fasal, ayat al-Qur'an, doa dan lain-lain seumpamanya. Manakala tulisan manuskrip ia tidak menandakan tanda kurungan () pada perkataan-perkataan yang penting sebaliknya ia digantikan dengan tulisan yang berwarna merah sebagai tanda bahawa perkataan tersebut adalah perkataan yang penting.

2.3 Kaedah transliterasi

Oleh kerana kitab *Īdāh al-Bāb* ini dalam bahasa Melayu klasik dan menggunakan ejaan Jawi lama, maka suatu pendekatan perlu digunakan untuk memudahkan pembaca membaca dan memahaminya. Justeru itu penulis menggunakan

kaedah transliterasi iaitu menyalin semula teks kitab yang menggunakan ejaan Jawi kepada ejaan Rumi serta mengukuhkan struktur-struktur ayat. Melalui kaedah ini juga perkataan-perkataan penting dihuraikan dan diberikan maknanya seperti nama-nama individu, nama-nama tempat, perkataan-perkataan Arab dan istilah-istilah yang jarang digunapakai. Metode ini banyak digunakan dalam kajian ini.

2.4 Pengukuhan bahasa dan ayat

2.4.1 Memodenkan perkataan klasik

Terdapat banyak perkataan klasik dalam kitab ini seperti halat, tuha, sayugia, bayah dan tak dapat tiada, maka penjelasan kepada perkataan-perkataan ini dilakukan dengan merujuk kepada kamus. Penulis juga telah berusaha memperbaiki ejaan dan struktur ayat dengan mengikut kaedah moden tanpa membuang atau mengurangkan teks asal. Sebagai contohnya, perkataan-perkataan yang perlu ada imbuhan ‘meng’ mengikut teks asal perkataan itu hanya disebut ‘me’ seperti ‘mehasilkan’ atau ‘mehendaki’. Dari itu penambahan telah dibuat dengan menambahkan ‘ng’ agar ianya bersesuaian dan selari dengan kaedah semasa.

2.4.2 Penambahan tanda bacaan

Terdapat banyak kata kerja yang tidak berimbuhan seperti “dengar”. Perkataan ini ditambah dengan ‘men’ menjadi mendengar. Begitu juga dengan kata sendi seperti ‘di’ dan ‘yang’. Penulis menambah kata-kata sendi ini agar ayat menjadi lebih sempurna. Manakala pada tempat-tempat tertentu pula dalam struktur ayat diletakkan tanda koma (,) dan tanda noktah (.) pada penghujung ayat. Tanda kurungan ‘[]’ pula diletakkan pada setengah perkataan atau pada tempat-tempat tertentu, menandakan

terdapat penambahan daripada penyunting (penulis). Sebagai contohnya: perkataan “hendak”, ditambahkan imbuhan “lah” menjadi hendak[lah] dan perkataan “murah”, ditambahkan imbuhan “pe”, menjadi “pemurah”. Kesemua ini dilakukan bagi mengelakkan struktur ayat supaya mudah difahami.

Dalam teks yang diedit/disunting, dituliskan halaman manuskrip supaya memudahkan pembaca membandingkan teks yang disunting dengan manuskrip dan memudahkan mereka merujuk kepadanya jika perlu.

2.4.3 Perkataan klasik

Terdapat banyak perkataan berupa melayu klasik digunakan dalam kitab *Īdāh al-Albāb* ini. Penulis telah menyalin semula perkataan-perkataan tersebut serta menerangkan maksudnya.

Perkataan klasik	Maksud
sayugia	Seelok-eloknya atau sebaik-baiknya
Sahaya	Hamba, Abdi
Tuha	Tua
Syahdan	Suatu bentuk pembuka kata
Tak dapat tiada	Mesti
Digagahi	Dipaksa
Mencetrakan	Menceritakan, bercakap
Dengu	Bodoh, tolol
Mengkucup	Mengucup, mencium
Mama'	Bapa saudara
Arta	Harta
Bunting	Hamil / Mengandung
Ceritera	Riwayat
Mengehaja	Sengaja
Anak mama'	Sepupu
Tambatan	Ikatan
Nenek	Datuk
Bayah	Adil
Tilik	Perhatikan betul-betul
Dulapan	Lapan
Merdehka	Merdeka

2.4.4 Bahasa

Hasil karya Syeikh Daud al-Faṭānī terdapat dalam dua bahasa iaitu Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. Kitab ditulis dalam Bahasa Melayu dan jika dilihat kepada gaya bahasanya ia adalah gaya bahasa klasik yang jauh berbeza dengan bahasa sekarang. Beliau menggunakan bahasa yang ringkas dan perkataan yang mudah difahami, tetapi gaya bahasanya sangat terikat dengan gaya bahasa Arab. Ia tidak mempunyai paragraf, tidak diletakkan tanda koma dan tidak bernoktah. Hasilnya, pembaca perlu membaca dengan teliti dan membacanya sehingga habis ayat agar apa yang hendak disampaikan dapat difahami serta dapat mengetahui keseluruhan maksud ayat. Sebagai contoh:

*“Adapun kemudian dari itu maka inilah suatu gantungan yang kecil atas beberapa hukum berkahwin dan barang yang bergantung dengannya dan talak dan barang yang bergantung dengan dia dan lainnya daripada keduanya daripada barang yang sayugianya bagi yang berkehendak kepada berkahwin”.*¹³¹

Bab akhir, bahasanya klasik, kucar kacir dan berbalik-balik berbanding dengan bab-bab sebelumnya kerana ia merupakan terjemahan daripada kitab-kitab Arab.

Pada penelitian penulis, keadaan ini terjadi kerana bahasa Arab merupakan medium utama dalam pengajian pada waktu itu. Di samping itu juga, bahasa Melayu masih belum berkembang dan berada di tahap awal. Penggunaan bahasa seperti ini bukan sahaja dalam kitab *Iḍāh al-albāb* ini malah terdapat juga pada hasil-hasil karyanya yang lain.

¹³¹ Syeikh Daud al-Fatani (t.t), *op.cit*, h. 2

2.4.5 Perbendaharaan kata dan ejaan.

Penggunaan perkataan amat penting dan menjadi tunjang dalam menghasikan sesuatu penulisan. Sesuatu penulisan yang baik dilihat pada bahasanya. Ini kerana penggunaan bahasa dan perbendaharaan kata yang tepat dan bersesuaian dapat memberi makna serta huraian yang jelas lagi mudah difahami. Perbendaharaan kata yang digunakan oleh Syeikh Daud al-Faṭānī adalah perkataan-perkataan Melayu klasik. Terdapat banyak perkataan klasik digunakan dalam kitab ini yang perlu dimodenkan. Beliau juga masih menggunakan dan mengekalkan perkataan-perkataan Arab. Sebagai contoh:

Perkataan Arab	Maknanya
بكر	Anak Dara
كيفية	Cara Melaksanakan
تفريع	pembahagian
موافقة	Persetujuan
خلوّة	Bersunyi
فرق	Pisah
نادر	Jarang / kadang-kadang
سفيه	Orang yang bodoh
مستور	Yang tertutup / tersembunyi
صريح	Yang jelas / terang
مجنونة	Yang gila
قيل	Kata
تعلق	Berkaitan
مصلحة	Kepentingan
ثيب	Janda
خصي	Orang yang dikembiri atau dikasi

Manakala ejaan yang digunakan pada perkataan-perkataan Melayu ada ejaan Jawi lama. Contohnya:

Ejaan Jawi Lama	Ejaan Jawi Baru
مهنتر	مغهنتر
سده	سوده
لاك	لاكي
سوات	سواتو
سفرة	سفرتي
هارس	هاروس
فغاسه	فغاسيه
ترليه	ترلييه
كملاي	كو مولائي
شكسي	سكسي
سغكهن	سو غكهون
منغر	مندغر
مردهكا	مرديكا
سكال ٢	سكالي ٢
هيدف	هيدوف
مينم	مينوم
دوس	دوسا
كجمل	كجيل
بربارس	برباريس
جادي	جادي

2.5 Kesimpulan

Īdāh al-Alāb Li Murīd al-Nikāh bi al-Ṣawāb karangan Sheikh Daud al-Fatani merupakan kitab fiqh munakahāt berbahasa Melayu. Walaupun kitab ini hanya membicarakan tentang fiqh munakahāt sahaja, namun ia merupakan perintis kepada penulisan kitab-kitab fiqh berbahasa Melayu.

Faktor yang menyebabkan penulisan kitab ini yang hanya menumpukan penulisan bahagian fiqh munakahāt sahaja ialah bagi memenuhi keperluan masyarakat di Nusantara yang baru menerima Islam dan mereka memerlukan satu panduan untuk memahami asas-asas munakahāt dalam Islam.